

# Arena

**EKSKLUSIF**  
**TM**
**PERMUKAAN RETAK, BERLUMUT UNDANG RISIKO KEPADA PEMAIN TENIS REMAJA KL**


## GELANGGANG DAIF, BAHAYA

Atlet pembangunan tenis Kuala Lumpur terpaksa berlatih di gelanggang 'berisiko' di Kompleks Sukan Titiwangsa berikutan keadaannya sangat menyedihkan dan hampir tidak boleh digunakan lagi. Jika dilihat dengan mata kasar, daripada 10 gelanggang milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) itu, hanya empat boleh digunakan manakala selebihnya berisiko mendatangkan kecederaan berikutan permukaan pecah, tidak rata dan berlumut. Pada setiap Sabtu serta Ahad, antara 60 hingga 70 pemain hadir berlatih dan mereka tiada pilihan kerana kos sewa di tempat lain lebih tinggi, **lapor Aida Adilah Mat**



MS46

Oleh Aida Adilah Mat  
aida\_adilah@hmetro.com.my

### Kuala Lumpur

Sungguh menyedihkan melihat apa yang dilalui barisan atlet pembangunan tenis Kuala Lumpur apabila terpaksa beraksi di gelanggang yang 'berisiko' di Kompleks Sukan Titiwangsa.

Dahulunya kompleks itu cukup gah dan antara yang tercantik di negara ini, namun kini keadaannya sangat menyedihkan dan hampir tidak boleh digunakan lagi.

Ketika sukan pickleball semakin mendapat perhatian, adakah sukan tenis bakal terkubur dan dianaktirikan?

Itu persoalan mula bermain di fikiran ramai peminat sukan tenis di negara ini apabila pelbagai usaha dilakukan oleh Persatuan Lawn Tennis Kuala Lumpur (Tenis KL) termasuk mengemukakan permohonan penurapan semula kepada pihak berkuasa seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS), namun terus dipandang sepi.

Setiausaha Kehormat Tenis KL, Maria Ghazali berharap pihak berkuasa dapat membuka mata untuk menyelamatkan gelanggang berkenaan demi pembangunan sukan tenis negara.

Kata Maria, Tenis KL menjalankan program pembangunan junior dan kini berada dalam dilema apabila daripada 10 gelanggang milik DBKL



PERMUKAAN gelanggang yang retak membahayakan atlet.

## Risiko cedera!

Atlet pembangunan tenis Kuala Lumpur terpaksa berlatih di gelanggang rosak

itu, hanya empat yang boleh digunakan dan selebihnya mengalami keretakan serius, tidak rata serta dipenuhi lumut yang licin.

"Kami berterima kasih kepada DBKL kerana membenarkan kami menggunakan gelanggang ini untuk menjalankan program pembangunan kami, namun keadaan gelanggang semakin teruk.

"Daripada 10 hanya empat boleh digunakan,

itupun kerana ia pernah diturap semula semasa tempoh perintah kawalan pergerakan (PKP) Covid-19 (2020-2021) dan

enam lagi gelanggang tak boleh digunakan sebab ada yang pecah, berlumut, rosak dan macam-macam lagi.

“  
Daripada 10  
hanya empat  
boleh  
digunakan  
Maria

"Kami menjalankan program pembangunan tanpa keuntungan untuk pemain muda dan pada setiap Sabtu serta Ahad, antara 60 hingga 70 pemain hadir.

"Keadaan gelanggang seperti ini adalah sangat berbahaya untuk kanak-kanak berkenaan dan kami tidak dapat menganjurkan pertandingan junior kebangsaan atau antarabangsa yang sangat penting untuk pembangunan disebabkan oleh keadaan serta spesifikasi gelanggang tidak memenuhi piawaian ITF (Persekutuan Tenis Antarabangsa)," katanya.

Maria yang mewakili suara komuniti peminat tenis berharap tindakan segera diambil DBKL atau KBS untuk membaik pulih gelanggang itu demi kemajuan sukan tenis negara.